

PM mungkin rombak Kabinet sebelum APEC

BH
- 21/11/2019
m/s: 2

Tindakan ambil kira pencapaian menteri, pertimbangan parti komponen

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad memberi bayangan akan melakukan rombakan Kabinet sebelum Sidang Kemuncak Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), tahun depan.

Pengumuman Perdana Menteri itu dilihat sebagai peringatan kepada anggota Kabinet sedia ada untuk meningkatkan prestasi dan sebagai langkah memulihkan kembali imej kerajaan, terutama susulan kekalahan besar Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Piai, Sabtu lalu.

Menjelaskan lebih lanjut, Dr Mahathir menegaskan, rombakan terbabit bagaimanapun tidak mudah dan tidak boleh dibuat terburu-buru, sebaliknya akan mengambil masa kerana perlu meneliti dan mengkaji pencapaian anggota Jemaah Men-

teri sedia ada.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), di sini semalam, beliau berkata, perlu juga diambil kira pertimbangan parti komponen PH sebelum menggugurkan mana-mana anggota Kabinet.

Perdana Menteri turut menegaskan, apa yang berlaku kepadanya tidak penting, sebaliknya perkara paling penting adalah kepentingan rakyat dan negara.

“Apa yang berlaku kepada saya adalah tidak penting, tetapi perkara paling penting adalah apa yang berlaku kepada rakyat dan negara. Jadi mungkin rombakan (Kabinet) ini akan dibuat sebelum APEC tahun depan,” katanya.

Selepas lebih dua dekad, Malaysia bakal menjadi tuan rumah APEC pada tahun hadapan dengan tema kemakmuran bersama menjadi mesej utama persidangan disertai 20 negara berkenaan.

Dr Mahathir yang juga Penge-



Dr Mahathir pada sidang media di Ibu Pejabat BERSATU di Petaling Jaya, semalam. Yang turut hadir Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalannya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.
(Foto Bernama)

rusi PH dan Pengerusi BERSATU tidak menolak kemungkinan membincangkan isu rombakan Kabinet pada mesyuarat Majlis Presiden PH yang dijadualkan berlangsung Sabtu ini.

Bagaimanapun, katanya, jika rombakan itu dilakukan sekarang, kemungkinan anggota Kabinet yang baharu terpaksa mengambil sedikit masa untuk melaksanakan tugas dengan berkesan.

“Jika kita rombak sekarang, mungkin orang baharu akan ambil sedikit masa (untuk bertugas). Oleh itu, kesannya tak dapat dilihat dalam tempoh masa panjang dan mungkin ketika itu ada lagi permintaan supaya membuat rombakan semula.

“Jika nak rombak, kita kena kaji dengan teliti sebab-sebab kita membuat rombakan dan kena ta-

hu juga individu yang akan menggantikan individu yang digugurkan. Saya berpendapat banyak lagi kerja perlu dibuat tahun depan kerana menjadi tuan rumah APEC 2020.

“Jika nak rombak, kita kena kaji dengan teliti sebab-sebab kita membuat rombakan dan kena tahu juga individu yang akan menggantikan individu yang digugurkan.”

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

“Kita tidak boleh memperkecilkan perkara ini kerana ia adalah mesyuarat antarabangsa yang penting. Sebab itu, kita kena buat persediaan secukupnya sebelum membuat perubahan drastik dalam kerajaan,” katanya.

Perdana Menteri mendedahkan, apa yang menjadi masalah dalam kerajaan ketika ini adalah isu komunikasi dalam menyampaikan apa yang sudah dilaksanakan.

“Kita akui beberapa sebab kita mengalami kekalahan yang besar (PRK Tanjung Piai), antaranya mungkin parti kita belum cukup matang dan belum susun parti kita dengan lengkap.

“Kita juga dapati ada isu berkenaan ekonomi kerana kerajaan tidak dapat memberi bantuan seperti kerajaan sebelum ini,” katanya.